



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**  
**Shaping the Future**

E-ISSN: 2682-7948

# Buletin APB

## EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN






# Inisiatif Meningkatkan Perolehan Geran Penyelidikan Jabatan PPKAS

**RUHAIDA RUSMIN, ROHAIZA SAAT, ANIS LOW MUHAMMAD LOW, SHEIKH AHMAD IZZADIN & SHEIKH MOHD GHAZALI**

UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Peribahasa Melayu ada mengatakan: 'bagai air mencari jenisnya'; yang bermaksud berusaha untuk mencari ilmu tidak henti-henti; usaha dengan tidak mengenal jerih payah (Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, 2016). Usaha meningkatkan perolehan geran penyelidikan merupakan salah satu tumpuan Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) Fakulti Sains Gunaan Universiti Teknologi MARA cawangan Negeri Sembilan dalam menyokong hasrat universiti dalam membentuk staf akademik bertaraf global menerusi hasil penyelidikan (Mohd Janor, 2023).

Namun, perolehan geran swasta/ antarabangsa bukanlah sesuatu proses yang mudah terutamanya kepada penyelidik muda dengan melihat ilmu, pengalaman dan kepakaran yang dianggap masih 'hijau'. Menyahut cabaran ini, satu program dalaman jabatan iaitu Coffee Talk PPKAS 'External Grants For Chemist: Motivation And Winning Strategies - special focus to Kurita Water International Grant' telah dijalankan. Program ini sejajar dengan pembukaan tawaran geran oleh Kurita Water and Environment Foundation (KWEF) bagi penyelidikan di dalam bidang sains dan teknologi persekitaran berasaskan air (Kurita Overseas Research Grant, 2023). Program coffee talk ini diadakan secara maya pada 09 Mei 2023 bermula jam 10.30 pagi melalui aplikasi Google Meet (Rajah 1). Pelaksanaan program ini merupakan cetusan idea daripada bengkel Perancangan Strategik PPKAS 2023 pada 2 Februari lalu dalam mengenalpasti strategi untuk mencapai Key Performance Indicator PI61, PI62 dan PI63 yang melibatkan perolehan geran nasional/ swasta/ antarabangsa. Diskusi ilmu ini berlangsung dalam suasana santai dengan penglibatan seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah serta pelajar pascasiswazah PPKAS.



Poster 1: Poster dan gambar sekitar program

Program ini melibatkan perkongsian kepakaran dari pensyarah kanan Fakulti Sains Gunaan UiTM Shah Alam, Dr Wan Nazihah Wan Ibrahim yang merupakan seorang penyelidik aktif dan juga penerima geran Kurita Water pada tahun 2022. Sepanjang hampir 90 minit program berlangsung, beliau telah berkongsi strategi dan panduan penulisan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti serta bertukar idea bersama para peserta. Di antara tiga (3) strategi yang dikongsi beliau untuk pemohon geran ini ialah :

1) Membina tajuk penyelidikan dengan kata-kunci yang tepat (contoh: penggunaan istilah water contamination/ purification dan lain-lain) sesuai dengan bidang tumpuan penaja;

2) Menekankan kepentingan penyelidikan terhadap isu tumpuan di bahagian awal perenggan dalam penulisan Executive Summary serta;

3) Melampirkan kenyataan berkenaan polisi negara / antarabangsa yang berkaitan dengan projek yang ingin dilaksanakan.

Strategi ini dilihat turut berguna dalam permohonan geran penyelidikan luar yang lain mengikut kesesuaian tema dan objektif penaja geran tersebut. Sesi perkongsian telah berjalan lancar dengan menyaksikan para peserta berinteraksi secara aktif bersama penceramah semasa sesi soal jawab berlangsung. Analisa dari maklumbalas peserta juga menunjukkan majoriti peserta bersetuju program ini bermanfaat dan dapat membimbing mereka dalam penyediaan kertas cadangan penyelidikan (proposal) geran; seterusnya mencapai objektif penganjuran program.

Sebagai tindakan susulan, pihak PPKAS juga telah membuat satu program tinjauan berkenaan jumlah geran penyelidikan yang telah dimohon oleh staf jabatan ini sehingga Jun 2023. Inisiatif ini dilaksanakan bagi mengenal pasti kecenderungan staf jabatan ini dalam memohon geran serta kekangan yang dihadapi. Soal selidik mendapati sebanyak 70% daripada staf PPKAS telah memohon pelbagai kategori geran penyelidikan sebagai ketua penyelidik dengan jumlah terkumpul permohonan sebanyak 36 geran (Rajah 2). Dari jumlah ini, sebanyak 83% (bersamaan 30 geran) adalah daripada kategori geran luar (external grant). Ini secara tidak langsung mencerminkan keberkesanan dan output program coffee talk yang telah dijalankan sebelum ini dalam menggalakkan pendarahan memohon geran. Usaha ini adalah penting bagi meningkatkan peluang perolehan geran yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian prestasi penuh universiti. Bak kata pepatah, jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.



Rajah 2: Jumlah geran penyelidikan yang dimohon PPKAS sehingga Jun 2023 mengikut kategori

Tinjauan juga mendapati sebanyak 35% responden PPKAS bersetuju bahawa faktor kekangan masa merupakan faktor yang menghalang mereka dari memohon geran sebagai ketua. Berdasarkan informasi ini, strategi susulan boleh diatur bagi membantu warga jabatan dalam memohon geran seperti memperbanyakkan seminar dan pendekatan mentor-menti (Junus et al., 2021). Apa yang penting, usaha bagi menambah baik pengetahuan dan kemahiran dalam menyediakan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti perlu sentiasa disuburkan dalam kalangan warga akademik. Seperti indahnya kata hikmah daripada Buya Hamka: *"Tugas kita bukanlah untuk berhasil, tugas kita adalah untuk mencuba kerana di dalam mencuba, itulah kita menemukan kesempatan untuk berhasil"*.

#### Rujukan

- Junus, Y. M., Abd Wahid, S. N., Nazri, A. Q., Anuar, N. H. M., Rasul, N., Nazri, N., & Mohamed, R. (2021). Sistem Pementoran Berstrategi di kalangan Staf Akademik PPD SPACE UTM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 319-324.
- Kamus Istimewa Peribahasa Melayu 2016, Dewan Bahasa dan Pustaka. Alamat URL: <https://jendeladbp.my/peka-bahasa/bagai-air-mencari-jenisnya/>; dirujuk pada Ogos 2023.
- Kurita Overseas Research Grant (2023), Kurita Water and Environment Foundation (KWEF). Alamat URL: [http://www.kwef.or.jp/orgp/orgp\\_info.html?cb=1691398668701](http://www.kwef.or.jp/orgp/orgp_info.html?cb=1691398668701). Dirujuk pada Mei 2023.
- Mohd Janor, R. (2023). Kebolehpasaran Global : Hala Tuju UiTM 2023, dalam Amanat Naib Canselor UiTM 2023. Penerbit UiTM. Alamat URL: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/81892/1/81892.pdf>